

26/07/1997

Persidangan cabaran Islam serantau

KUALA LUMPUR, Jumaat - Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Ikatan Cendekiawan Muslim Se-Indonesia (ICMI) akan menganjurkan persidangan Menghadapi Abad 21: Reformasi Dan Cabaran Umat Islam Serantau pada bulan depan.

Persidangan yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Ogos itu, bertujuan memantapkan kedudukan umat Islam di Asia Tenggara.

Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata persidangan itu diadakan bagi membolehkan intelek Islam di rantau ini bertukar pendapat dan kepakaran dalam membangunkan umat Islam.

Ia juga bertujuan memupuk kerjasama dari segi ekonomi, sosial, pembangunan sumber manusia dan sains dan teknologi menerusi pelbagai projek usaha sama.

Bengkel mengenai kerjasama pendidikan, latihan dan pelaburan turut diadakan. - Bernama

(END)